

Deklarasi Putrajaya dilulus

NAM-Cob sepakat berusaha menjadikan pergerakan lebih relevan, dinamik

BH - 31/5/2006



Oleh Kadir Dikoh, Norfatimah Ahmad, Shamsul Azree Shamsir, Wan Hazmir Bakar dan Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Mesyuarat Menteri-Menteri Biro Penyelarsan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM-CoB) yang berakhir semalam sebulat suara meluluskan Deklarasi Putrajaya membabitkan pelbagai perkara ke arah menjadikan pergerakan itu lebih dinamik serta relevan. Kenyataan bersama yang dikeluarkan Menteri-Menteri Luar NAM menyifatkan perbincangan yang membabitkan pelbagai isu menarik dan penting untuk pergerakan itu berjalan lancar, termasuk

berkaitan keselamatan, keamanan, selain pembangunan ekonomi dan sosial.

Mesyuarat bertemakan 'Ke Arah NAM Yang Lebih Dinamik dan Sepadu: Cabaran Abad Ke-21' itu dihadiri 779 delegasi termasuk 74 Menteri Luar mewakili 114 negara anggota.

Deklarasi Putrajaya itu antara lain menyatakan:

- Usaha mempromosi dunia 'multipola' menerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa;
- Mempromosi hak kemanusiaan, pembangunan ekonomi dan sosial serta menghormati perundangan antarabangsa;
- Bergerak secara proaktif dan lebih berkesan untuk mempromosi kerjasama dalam bentuk yang lebih komprehensif dan holistik;
- Melaksanakan tindakan susulan kepada Deklarasi Kuala Lumpur yang diluluskan NAM pada Februari 2003 membabitkan isu politik serantau dan sub rantau, selain pembangunan ekonomi dan sosial;
- Mengukuhkan kapasiti nasional setiap anggota NAM untuk kebaikan pergerakan secara keseluruhan.



TELITI DOKUMEN: Menteri Luar Iran, Manouchehr Motakki (dua dari kiri) meneliti dokumen selepas Mesyuarat Menteri-Menteri Biro Penyelarsan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM-CoB) di Putrajaya, semalam.

BERNAMA